KEMENTERIAN PENDIDIKAN

| | |
|---|---|
| **Nama** | |
| **Kelas** | |

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK Tahun 6 Sesi 2024/2025

**Bahasa Melayu (011)**
1 jam 15 minit

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1-10** | 10 | |
| **B** | **1** | 5 | |
| | **2** | 5 | |
| **C** | **1** | 10 | |
| **D** | **1** | 20 | |
| **Jumlah** | | **41** | |

**Bahagian A**
[10 *markah*]

**Soalan 1 dan 2**

*Pilih jawapan yang* **paling sesuai**.

**1** Pada cuti sekolah yang lalu, Wei Han dan keluarganya telah pergi ke ________________ untuk berkhemah.

**A** Muzium Negara

**B** Kota A Famosa

**C** Taman Tema Air Tambun

**D** Hutan Lipur Gunung Ledang

**2** Aiman dibawa oleh ibunya ke sekolah pada ________________ pagi agar tidak terlewat.

**A** baharu

**B** awal

**C** jauh

**D** dekat

**3** *Pilih ayat yang* **betul**.

**A** Penduduk taman bersepakat untuk mengadakan gotong-royong pada bulan hadapan.

**B** Tujuan bas elektrik dicipta adalah dengan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

**C** Jia Jia dan Jia Ming akan pergi daripada majlis perkahwinan anak Encik Haris esok.

**D** Negara kita mempunyai banyak tempat pelancongan menarik yang boleh dikunjungi kepada bila-bila masa.

**Soalan 4 hingga 6**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Sarah pergi ke perpustakaan, dia membaca buku tentang permainan tradisional, iaitu permainan batu seremban, kabbadi dan rampanau.

Batu seremban merupakan permainan tradisional masyarakat Melayu. Permainan ini dimainkan dengan menggunakan batu kecil, gundu kacang tanah, atau biji getah.Pemain yang mempunyai kiraan batu terbanyak dikira sebagai pemenang.

Kabbadi merupakan permainan tradisional masyarakat India. Setiap pemain perlu melepasi garisan atau menjatuhkan

**4** Semasa di perpustakaan, Sarah membaca buku tentang

**A** tarian tradisional.

**B** permainan tradisional.

**C** makanan tradisional.

**D** alat muzik tradisional.

**5** Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

**A** Permainan rampanau menggunakan tiga batang buluh panjang.

**B** Permainan kabbadi merupakan permaian tradisional masyarakat Melayu.

**C** Semasa bermain batu seremban, giliran pemain akan terbatal jika mempunyai kiraan batu terbanyak.

**D** Dalam permainan kabbadi, setiap pemain perlu melepasi garisan atau menjatuhkan

semua pemain pihak lawan untuk beroleh kemenangan.

**6** Berikut ialah permainan tradisional yang terdapat di Malaysia *kecuali*

**A** kabbadi

**B** rampanau.

**C** bola sepak.

**D** batu seremban.

**Soalan 7 hingga 10**

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** dan **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**BAHAN 1**



**BAHAN 2**

Sekolah Yasmin akan mengadakan pertandingan bercerita. Pertandingan itu dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu. Pertandingan itu dianjurkan bertujuan untuk mencungkil bakat dan membina keyakinan diri murid-murid.

Pertandingan bercerita itu terbuka kepada semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Seri Bayu. Setiap peserta akan diberi tempoh selama lima minit untuk menyampaikan cerita masing-masing. Hadiah lumayan menanti para pemenang

**7** Tujuan pertandingan bercerita diadakan adalah untuk

**A** menggembirakan murid-murid.

**B** mencungkil keberanian murid.

**C** memberi peluang murid bercakap.

**D** mencungkil bakat dan membina keyakinan diri murid-murid.

**8**

| |
|---|
| Yasmin dan <u>rakan-rakannya</u> tidak melepaskan peluang untuk menyertai pertandingan itu. |

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

**A** orang.

**B** pasukan.

**C** angkatan.

**D** gerombolan.

**9** Perkataan *tempoh* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan.

**A** jarak.

**B** masa.

**C** ukuran.

**D** bentuk.

**10** Pilih penyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

**A** Pertandingan bercerita akan diadakan di kantin sekolah.

**B** Peserta akan diberi masa selama 15 minit untuk menyampaikan cerita.

**C** Persatuan Bahasa Melayu SJK (C) Seri Bayu menganjurkan pertandingan bercerita.

**D** Ibu bapa Yasmin tidak membenarkan Yasmin memasuki pertandingan bercerita kerana memerlukan persediaan yang rapi.

## Bahagian B

[10 *markah*]

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Bunyi tiupan seruling yang mendayu-dayu kedengaran dari arah sawah di hujung kampung. Bunyi itu tidak asing lagi bagi penduduk di kampung itu.

Bunyi tiupan seruling yang merdu bak buluh perindu itu dimainkan oleh seorang pemuda yang bernama Adam. Adam sangat mahir meniup seruling. Pada setiap petang, dia akan bermain seruling untuk menenangkan fikirannya selepas seharian penat bekerja.

Seruling yang ditiup oleh Adam itu dibuatnya sendiri. Adam

1 (a) Bunyi tiupan____________________ yang mendayu-dayu kedengaran dari arah sawah di hujung kampung. ( 1 markah)

(b) Mengapakah Adam akan bermain seruling pada setiap petang?

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

(2 markah)

(c) *Gariskan* **kata penguat** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

[illegible]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan*.

Kemahirannya membuat alat muzik tradisional daripada buluh turut dikagumi oleh penduduk kampung.

| | |
|---|---|
| Penduduk kampung turut mengagumi kemahirannya membuat alat muzik tradisional daripada buluh. | |
| Penduduk kampung dan Rahim turut mengagumi kemahirannya membuat alat muzik tradisional daripada buluh. | |

( 1markah)

**Soalan 2**

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Pada waktu rehat, kamu dan rakan-rakan sedang beratur untuk membeli makanan di kantin. Tiba-tiba, seorang murid memotong barisan tanpa beratur. Rupanya murid tersebut ialah rakan baik anda.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[5 *markah*]

]

**Bahagian C**

[10 *markah*]

*Grafik di bawah menunjukkan tentang sikap murid terhadap guru.*
*Tuliskan pendapat kamu tentang* **Cara-cara menjaga keselamatan di jalan raya.**
*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**.
*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



**Bahagian D**
[20 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

**Hari Kantin**




1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

[20 *markah*]

**KERTAS UJIAN TAMAT**